# JPS siasat kerosakan taman permainan Kampung Kasipillay

**KUALA LUMPUR** – Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) akan menyiasat kerosakan taman permainan kanak-kanak Kampung Kasipillay, Sentul yang didakwa berpunca daripada timbunan pasir ekoran projek mendalamkan Sungai Gombak di Jalan Ipoh di sini.



Jurucakap Jabatan Korporat JPS, Norisan Shahiden berkata, kejadian yang didakwa berlaku akibat projek yang dijalankan oleh JPS itu akan diteliti semula dan tindakan segera akan diambil untuk mengatasinya.

"Kami kesal di atas sebarang kesulitan terhadap penduduk dan kanak-kanak yang jelas kecewa kerana tidak dapat menggunakan taman permainan tersebut.



## Timbunan pasir cemari taman permainan

KUALA LUMPUR - Penduduk di Kampung Kasipillay, Jalan Ipoh, Sentul di sini kesal kerana sebuah taman permainan kanak-kanak di kawasan itu dipenuhi timbunan pasir ekoran kerja-kerja mendalamkan Sungai Gombak.

Pengerusi Persatuan Penduduk kampung itu, L. Murugarajan, 38, mendakwa, padang permainan seluas kira-kira 0.4 hektar itu rosak kerana ditimbuni pasir.

Katanya, taman berkenaan dibuka dengan hasil titik peluh penduduk kira-kira tiga tahun lalu dan ia mempunyai kemudahan permainan kanak-kanak serta laluan khas untuk bersenam.

"Kerja-kerja mendalamkan sungai oleh Jabatan Pegairan dan Saliran sejak awal Disember lalu menyebabkan pokok, bangku dan peralatan permainan kanak-kanak rosak akiba yang dikorek dari sungai dil berhampiran taman tersebut.

"Akibatnya, pasir berken menutup hampir 80 peratu tersebut dan membahayakan matan kanak-kanak yang ber situ," katanya di sini semalam.

Seorang lagi penduduk, T. Y. berkata, mereka kesal deng pihak terbabit yang membiark bunan pasir itu begitu sahaja s mencemar kawasan berkenaa

"Mereka sepatutnya atau berbincang dengan pe lebih dahulu sebelum mem ja mendalamkan sungai,"

Beliau memberitahu, p lah membuat laporan poli kara itu disiasat selain men wan Bandaraya Kuala Lump pur tangan menyelesaikan i but.

BEBERAPA penduduk menunjukkan timbunan pasir yang ditinggalkan di taman ermainan di Kampung Kasipillay semalam.

Bersama Masyarak

Kelolaan LILY YEAN dan KUMARA SABAPATTY

Setiap Hari Isnin hingga Jumaat

PARA pembaca daripada ka masyarakat Cina dan India ingin mengemukakan seba info boleh hubungi warta *Kosmo!*, LILY YEAN atau K SABAPATTY di talian 03-92 4001 atau e-mel kepada berita@kosmo.com.my.

**KERATAN *Kosmo!* 7 Januari 2013.**

"Untuk mengatasi masalah ini, kes ini akan dibawa ke bahagian kejuruteraan JPS Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur untuk siasatan dan diambil tindakan segera," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Jelasnya, jurutera kawasan berkenaan akan dihantar ke lokasi kejadian untuk memantau keadaan taman permainan dan projek mendalamkan sungai.

*Kosmo!* kelmarin melaporkan penduduk kampung berkenaan kesal dengan keadaan taman permainan kanak-kanak di kawasan itu yang dipenuhi timbunan pasir ekoran projek mendalamkan Sungai Gombak.

Wakil penduduk, L. Murugarajan (**gambar**) mendakwa, kerja-kerja mendalamkan sungai oleh JPS sejak sebulan lalu telah merosakkan bangku, pokok dan alat permainan kanak-kanak di taman tersebut apabila pasir yang dikorek diletakkan di situ.

Dakwanya, hampir 80 peratus taman permainan tersebut sudah dipenuhi pasir dan keadaan itu membahayakan keselamatan kanak-kanak yang bermain di situ dan orang dewasa untuk beriadah.